



PEKELILING MAJIKAN BIL. 2/1996

PINDAAN AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA 1992

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan majikan mengenai beberapa pindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 yang telah diluluskan oleh Parlimen, baru-baru ini. Akta ini dinamakan Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1996.
- 1.2 Pindaan Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 adalah bertujuan untuk mengliberalisasikan penggunaan Skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) dan memperluaskan pemakaiannya kepada majikan kecil di sektor perkilangan.

2. PINDAAN-PINDAAN

2.1 Takrif Kontrak Perantisan

Takrif "Kontrak Perantisan" dipinda dengan menggantikan tempoh perantisan "tidak kurang daripada satu tahun" kepada suatu tempoh "yang diluluskan oleh Ketua Pengarah". Pindaan ini memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) untuk meluluskan sesuatu skim perantisan yang tempohnya kurang daripada satu tahun seperti yang diperlukan oleh sesuatu industri di dalam sektor perkhidmatan.

2.2 Perluasan KWPSM Meliputi Majikan Kecil Sektor Pengilangan

Seksyen baru 3A (1) diperkenalkan ke dalam Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 membolehkan majikan kecil dalam industri pengilangan yang mempunyai 10 tetapi tidak melebihi 49 orang pekerja dan dengan modal berbayar kurang daripada RM 2.5 juta diberi pilihan untuk berdaftar dengan Majlis dan membayar levi Pembangunan Sumber Manusia pada kadar 0.5% daripada upah pekerja dalam mana-mana bulan. Pindaan ini adalah untuk menggalakkan mereka bergiat aktif dalam melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja. Majikan kecil yang memilih untuk mendaftar dengan Majlis akan diberi subsidi oleh kerajaan iaitu bagi setiap RM1 levi yang mereka bayar, kerajaan akan menyumbang sebanyak RM2. Skim subsidi ini akan brkuatkuasa selama 5 tahun dan akan dikaji semula selepas itu.

2.3 Seksyen 3A (2) Adalah Lanjutan Daripada Pindaan Seksyen Baru 3A (1).

Dengan pindaan ini, majikan-majikan yang memilih untuk berdaftar tetapi selepas itu berlaku keingkaran atau gagal dalam pembayaran mana-mana levi yang kena dibayar di bawah seksyen 3A(1), peruntukkan subseksyen 3(3) dan (4), Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 adalah terpakai. Seksyen 3(3) memperuntukkan bahawa jika seseorang majikan gagal membayar apa-apa levi dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan- peraturan Pembangunan Sumber Manusia (Pendaftaran Majikan) 1992, majikan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh yang tidak melebihi

dua tahun atau kedua-duanya. Subseksyen 4 pula memperuntukkan bahawa sungguh pun terdapat pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 3 tidaklah menghalang hak Majlis untuk mendapatkan kembali amaun levi yang kena bayar di bawah Akta ini daripada majikan.

2.4 Faedah Atas Levi Yang Tidak Dibayar Dalam Tempoh Yang Ditetapkan.

Seksyen baru 3B memperuntukkan pengenaan faedah ke atas majikan-majikan yang gagal membayar levi dalam tempoh yang ditetapkan. Faedah yang dikenakan adalah pada kadar 10% setahun berkenaan dengan setiap hari keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Walau bagaimanapun, jika amaun yang dikira itu adalah kurang daripada lima ringgit, faedah yang kena dibayar adalah lima ringgit berkenaan dengan setiap bulan atau sebahagian daripada sesuatu bulan kelewatan pembayaran. Jika amaun faedah yang dikira itu melebihi lima ringgit, faedah yang kena dibayar hendaklah dikira kepada ringgit tertinggi yang paling hampir berkenaan dengan setiap bulan atau sebahagian daripada sesuatu bulan kelewatan pembayaran. Dengan adanya peruntukan ini adalah diharap majikan akan terus membayar levi mengikut tempoh yang ditetapkan dan terus melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka.

2.5 Terma dan Syarat Kelayakan Untuk Menerima Bantuan Kewangan

Seksyen 6(1) Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 ini dipinda dengan memotong perkataan "dan seterusnya selama suatu tempoh lima bulan selepas itu". Pindaan ini bertujuan membolehkan majikan berdaftar dan membayar levi PSM pada bulan pertama akan terus layak memohon geran latihan. Di bawah peruntukan sekarang, majikan perlu membayar levi PSM selama enam bulan terus menerus sebelum layak memohon geran latihan. Pindaan ini akan lebih menggalakkan majikan untuk melatih semula pekerja mereka. Pindaan Seksyen 6 (2) dan 6(3) adalah lanjutan (consequential amendments) daripada pindaan seksyen 6(1).

2.6 Seksyen 6(2) dipinda bagi membolehkan seseorang majikan yang telah memperolehi kepentingan seseorang majikan lain yang didaftarkan di bawah seksyen 4, Akta, akan terus layak menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain yang diadakan di bawah Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan.

2.7 Seksyen 6(3) dipinda dengan menggantikan perkataan "adalah dibuat" dengan perkataan "dan faedah atas levi itu telah dibayar sepenuhnya". Dengan pindaan ini, majikan-majikan tidak berkelayakan menerima bantuan kewangan atau faedah lain yang diadakan di bawah Akta, jika majikan berkenaan mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi dan kehilangan kelayakan itu adalah berterusan sehingga kesemua tunggakan dan faedah atas levi tertunggak itu telah dibayar sepenuhnya.

3. Kumpulan Wang

3.1 Seksyen 9(1) dipinda menggantikan perkataan "seksyen 3" dengan perkataan "seksyen 3 dan 3A". Pindaan ini akan membolehkan levi PSM yang dibayar oleh majikan kecil atas kadar 0.5% boleh dimasukkan ke dalam kumpulan wang (KWPSM)

4. Anggota-anggota Majlis.

4.1 Pindaan ini akan menambah bilangan ahli Majlis daripada 12 kepada 14 orang, lanjutan penambahan daripada 8 kepada 10 orang ahli Majlis daripada wakil majikan. Dengan pindaan ini, majikan akan mempunyai tambahan dua orang wakil lagi di dalam Majlis. Tambahan wakil majikan ini adalah diperlukan memandangkan KWPSM telah diperluaskan ke sektor perkhidmatan.

5. PENUTUP

5.1 Pindaan kepada Akta akan memberi peluang kepada majikan kecil disektor pengilangan menyertai KWPSM. Adalah diharapkan dengan perluasan kumpulan wang ini kepada majikan kecil, kemahiran pekerja akan dipertingkatkan lagi yang akan memudahkan perubahan dan penggunaan teknologi semasa di bahagian pengeluaran. Pindaan ini juga akan mengliberalisasikan lagi penggunaan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

5.2 Akta Pembangunan Sumber Manusia (Pindaan) 1996 ini berkuatkuasa mulai 2 Ogos 1996.

Terima Kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Yau De Piyau
Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

